



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI ADUAN AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) NEGERI PERAK MELEPASKAN TANGKAPAN BERSAMA-SAMA DENGAN SEBUAH BOT YANG MELAKUKAN KESALAHAN MENGGUNAKAN PUKAT JENIS BUBU NAGA

***UNTUK SIARAN SEGERA
16 JUN 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Perak kerana didakwa melepaskan tangkapan bersama-sama dengan sebuah bot yang melakukan kesalahan menggunakan pukut jenis bubu naga. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

Siasatan mendapati bahawa aduan salah laku tersebut tidak dapat disahkan. Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk siasatan berhubung aduan tersebut dihentikan dan tiada tindakan tatatertib diambil ke atas Pegawai yang terbabit. Selaras dengan subseksyen 4(1) Akta 700, EAIC turut mengesyorkan agar Ketua Pengarah APMM untuk mengambil tindakan penambahbaikan bagi mengelakkan keadaan yang sama berulang.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.